

Majlis Penutupan Kejohanan Sukan Antara Jabatan (SUKATAN) 2022

Majlis Penutupan Kejohanan Sukan Antara Jabatan (SUKATAN) 2022 PSP telah diadakan di Astaka, Politeknik Seberang Perai. Kejohanan ini merupakan acara sukan tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Sukan, Ko-Kurikulum dan Kebudayaan (JSKK) bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Rakan JSKK, Politeknik Seberang Perai (PSP). Ianya diadakan bermula 18 hingga 20 Mei 2022 secara berkonsepkan *round robin*.

Objektif Pertandingan ini adalah bagi mencungkil bakat baru dalam kalangan pelajar PSP, melahirkan pelajar PSP yang holistik iaitu cemerlang akademik dan sukan serta melahirkan warga PSP yang sihat dan cergas.

Peserta yang terlibat adalah dalam kalangan pelajar PSP yang telah terpilih bagi mewakili jabatan masing-masing. Ianya melibatkan pelajar-pelajar daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Perdagangan (JP) dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK). Acara yang dipertandingkan adalah seperti Futsal, Sepak Takraw, Bola Jaring, Bola Tampar, Badminton, Ping Pong dan Tarik Tali.

Juara keseluruhan SUKATAN 2022 disandang oleh JKM dengan pungutan mata sebanyak 80, Naib Juara adalah JP dengan pungutan 56 mata, tempat ketiga pula milik JKE dengan jumlah 41 mata dan JTMK di tempat keempat dengan pungutan 15 mata.

Secara keseluruhannya, program SUKATAN 2022 telah berjaya mencapai objektif dan matlamatnya di mana bakat-bakat pelajar dapat dicungkil dan dapat diketengahkan ke peringkat lebih tinggi kelak.



Pengarah (2 dari kiri) bersama Timbalan Pengarah Akademik (kiri) dan Ketua-Ketua Jabatan PSP

















Acara Sepak Takraw



Acara Badminton



Acara Futsal Lelaki



Acara Ping Pong



Acara Tarik Tali



Acara Bola Jaring